

Harian Metro
28 April 2017



MOHAMED Khaled
bertanyakan sesuatu pada
pelajar mengenai
pembelajaran online.

Mary Victoria Dass
maryvictoria@hmetro.com.my

Johor Bahru

Kerajaan negeri menerusi Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) menawarkan peluang kepada 5,600 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikuti Program Tuisyen SPM se-remah RM11.60 sebulan bermula Mei ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ia merangkumi empat mata pelajaran utama dengan peruntukan berjumlah RM200,000 daripada YPJ.

Menurut beliau, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Yayasan Penyang yang Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) masing-masing turut memperuntukkan RM100,000 bagi melancarkan lagi program yang menggunakan platform Classruum.com di-

Tuisyen RM11.60 sebulan

■ **YPJ peruntuk RM200,000
beri peluang kepada
5,600 calon SPM ikuti kelas**

bangunkan Kulim Berhad. Katanya, keutamaan diberi kepada golongan M40 yang berpendapatan keluar-ga tidak melebihi RM10,000 sebulan.

"Yuran tuisyen berkenaan adalah rendah berbanding kos yang kebiasaannya keluarga pelajar perlu tanggung

sekiranya menghantar anak ke kelas tuisyen di luar.

"Tambahan pula, calon SPM boleh mengikuti tuisyen ini atas talian di mana saja berada dengan kemudahan komputer dan Internet mulai Mei hingga Oktober ini," katanya pada majlis pelancaran e-learning

anjuran YPJ di Dewan Maktab Sultan Abu Bakar, di sini, semalam.

Mohamed Khaled berkata, pendidikan berkualiti tidak sepatutnya menjadi kemewahan yang hanya dinikmati golongan tertentu tetapi seharusnya menjadi keperluan asasi disediakan kepada semua insan.

Menurutnya, perkara itu juga antara usaha dan komitmen berterusan dilakukannya kerajaan negeri.

"Sebab itu saya sentiasa menggesa semua pihak supaya menggunakan segala ruang dan kelebihan yang ada pada kita bagi bersama-sama menjayakannya.

"Adalah mengaibkan sekiranya kita sebagai masyarakat dan bangsa berkemajuan tetapi terdapat jurang dalam kualiti pendidikan yang diakses pelajar. Lebih memalukan sekiranya kita hanya melihat perkara berkenaan berlaku tanpa berbuat apa-apa," katanya.